



PERCUMA 16 - 23 Mac 2012, 23 - 30 Rabiulakhir 1433



Orang Asal
gembira terima
kerusi roda

muka 10

RM2.65 juta untuk
tingkatkan prasarana
UNISEL

muka 6



100 penternak
ayam Tanjung
Karang dianiaya

muka 12

KELUHAN RAKYAT...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, mendengar masalah salah seorang mangsa banjir, Azizah Kana, 62, dan keluarga, sewaktu turun padang ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat, sewaktu banjir buruk melanda kawasan tersebut. Seramai 191 keluarga dengan 792 mangsa dari Kampung Sungai Serai dan Sungai Nanding dipindahkan ke pusat pemindahan
BERITA PENUH MUKA 4



Gambar oleh Norhayati Umor

Yayasan Selangor bakal heret tiga bekas MB ke mahkamah

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Bagi mengembalikan Yayasan Selangor (YS) ke hala tuju asalnya, badan itu telah memulakan usaha untuk mendapat kembali RM500 juta yang lesap semasa pentadbiran Umno-BN yang dahulu.

Ini bukan sahaja untuk memperbetulkan salah urus tadbir yang lama, tetapi bagi mendapat kembali duit rakyat supaya lebih ramai pelajar miskin boleh ditaja oleh badan itu.

Pengurus Besar Yayasan Selangor, Ilham Marzuki berkata, pihaknya melantik unit forensik audit bagi meneliti akaun badan itu dari tahun 1991 hingga ke Mac 2008, era di mana kehilangan RM500 juta itu didakwa berlaku.

YS juga akan mengheret tiga bekas Menteri Besar Selangor, iaitu Dr Mohamad Khir Toyo, Tan Sri Abu Hassan

Omar dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib ke mahkamah jika terdapat bukti mereka terlibat dengan penyelewengan aset berkenaan.

Tindakan mahkamah juga akan di ambil terhadap tiga bekas pengurus besar yayasan itu, Ilham berkata.

"Kita juga akan menyaman mereka yang bertanggungjawab di Mahkamah Sivil untuk mendapatkan kembali hak Yayasan Selangor yang dilesapkan oleh mereka," katanya ketika dihubungi.

Kehilangan aset RM500 juta itu disedari apabila satu kajian dalaman aset dari tahun 1991 hingga Mac 2008 dilakukan YS.

Kajian itu bagi menaksir Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek tanah YS yang dimajukan secara usahasama dengan pemaju dalam tempoh 17 tahun itu.

GDV adalah nilai jualan sesuatu pro-

jek hartanah selepas ia siap dibina.

YS mendapati banyak usahasama di mana ia hanya menerima 30 peratus dari GDV projek itu.

"Kita menyemak berapakah nilai yang diterima dan setiap kekurangan daripada apa yang patut diterima itu dikira ketirisan.

"Kita mendapati sekiranya dicampurkan, ketirisan semua projek usahasama bagi tempoh 1991 hingga 2007, jumlahnya adalah melebihi RM500 juta," jelas Ilham.

Kehilangan RM500 juta dari YS dideklarasikan semasa sesi pendengaran awam SELCAT atau Jawatankuasa Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan pada awal bulan Mac.

Pada sesi itu, Pengerusi SELCAT, Datuk Teng Chang Kim, mencadangkan supaya YS melantik Badan Audit Bebas untuk menjalankan forensik audit.

Peruntukan RM30 juta untuk kampung tradisi

Oleh LIZAWATI MADFA

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor akan memperuntukan sejumlah RM30 juta kepada setiap kampung tradisi di negeri ini, khusus untuk pembangunan setempat.

Selain itu kerajaan negeri juga akan menganjurkan kursus teknologi dan komunikasi kepada ketua kampung bagi melancarkan gerak kerja dan menyenangkan urusan mereka dengan penduduk setempat, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

lihat muka 2

Dari muka depan

Ketua Kampung sambut baik usaha kerajaan negeri

“Jadi segala urusan dapat dilakukan dengan cepat dan pantas melalui urusan online. Secara tidak langsung proses ini akan mempercepatkan proses penyelesaian masalah rakyat,” ujar Abdul Khalid yang juga Adun Ijok.

Beliau menambah, peruntukan memang kita akan beri tetapi ada syaratnya. Saya tidak mahu anda semua menjadi seperti Umno-BN.

“Maka diharapkan wang yang diberi, gunalah sebaik-baiknya untuk pembangunan bersama,” pesan Abdul Khalid dalam Majlis Penyerahan Surat Perlantikan Ketua Kampung Tradisi Negeri Selangor yang diadakan di Stadium Tertutup Kuala Selangor.

Usaha kerajaan negeri itu disambut baik oleh Ketua Kampung Olak Lempit, Selamat Amat Judi, 63, dari Mukim Tanjung 12, Kuala Langat.

“Sebagai ketua masyarakat, semestinya berita ini menggembirakan saya kerana dapatlah saya salurkan bagi perkara-perkara



Pimpinan Pakatan Rakyat Selangor bergambar kenangan dengan ketua-ketua kampung yang dilantik

yang memerlukan.

“Memang duit bukan segala-galanya, tetapi jika ada duit, insya-Allah segala urusan dapat dilakukan dengan lancar tanpa tangguhan,” jelas Selamat yang sudah empat tahun bergelar Ketua Kampung.

Majlis tersebut meraikan 368 orang Ketua-ketua Kampung yang dilantik oleh kerajaan negeri dengan 331 daripadanya menerima lanjutan perkhidmatan untuk dua tahun lagi, sementara baki 37 adalah lantikan baru.

Turut hadir Penasihat Ekonomi Se-

langor, Datuk Seri Anwar Ibrahim selain Exco Negeri Dr Yaakob Sapari, Iskandar Samad dan Dr Ahmad Yunus Hairi.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad, Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafiei serta Adun Bukit Melawati, Muthiah Mariapillay.

‘Bawah Umno dulu kena belanja, sekarang bawah PR senang dapat’

Oleh LIZAWATI MADFA

KUANG - Hampir 30 tahun menanti, impian Yahaya Said untuk memiliki tanah yang sekian lama diduduki bersama keluarganya secara sah, akhirnya tercapai.

Pesara tentera berumur 60 tahun itu antara 137 penduduk Kampung Melayu Sri Kundang menerima geran tanah daripada kerajaan Selangor yang disampaikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Yahaya ternyata tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira dan terharu ketika ditemu bual sejeurus selepas menerima geran tersebut.

“Alhamdulillah, akhirnya sempat juga kami dapatkan hak ini secara sah sebelum kami menutup mata. Sekurang-kurangnya kami lega, adalah harta yang dapat kami wariskan ke atas anak-anak cucu kelak,” ujarnya sebak.

Menurut Yahaya lagi, pengalaman duduk di bawah pentadbiran Umno-BN dahulu dan pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) kini jauh berbeza.

“Dahulu di bawah Umno, ka-



BERSYUKUR... Yahaya gembira menerima geran tanah daripada Menteri Besar

mi perlu belanja minum dulu, berhibur dulu untuk dapatkan ruang agar permohonan kami diproses. Yang tidak sebulu dengan mereka, langsunglah tidak diendahkan.

“Tetapi sekarang ini jauh berbeza. Kerajaan Pakatan Rakyat bekerja tanpa mengira siapapun.

Malah orang Umno pun ada yang terima geran pada hari ini,” beritahu Yahaya sambil menambah, program kebajikan pentadbiran PR bukti keikhlasan sebenar sesebuah kerajaan membela rakyat.

Sementara itu, Abdul Khalid dalam ucapannya berkata, kerajaan akan berusaha menolong

penerima yang tidak mampu membayar premium tanah.

“Bagi mereka yang tidak mampu menjelaskan jumlah premium, kita akan tolong jelaskan. Tetapi rakyat perlulah lakukan tugas-tugas kebajikan,” jelas Abdul Khalid yang turut memberitahu hasrat kerajaan negeri adalah untuk

Kerajaan Pakatan Rakyat bekerja tanpa mengira sesiapa pun. Malah orang Umno pun ada yang terima geran pada hari ini

YAHAYA SAID
Penduduk Kampung Melayu Sri Kundang

melihat setiap rakyat negeri ini memiliki tanah sendiri.

Majlis Penyerahan Hak Milik ini diadakan di Balai JKKK Kampung Sri Kundang. Sebahagian lagi menerima Borang Notis 5A untuk mendapatkan status hak milik.

Turut hadir, Exco Permodenan, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari, Ahli Parlimen Selayang yang juga Penyelaras DUN Kuang, William Leong Jee Keen, dan juga Pegawai Daerah Gombak, Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Forum Perdana medan perkasa ilmu

Oleh MOHD EZLI MASHUT

MERU - Forum Perdana Ehwat Islam merupakan medan yang sesuai untuk dakwah dan pengisian ilmu kepada masyarakat dalam usaha mewujudkan insan berilmu dan bertaqwa.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pihaknya sentiasa berharap usaha pemantapan ilmu di kalangan umat Islam terus diperkaskan melalui program pengisian ilmu seperti Forum Perdana Ehwat Islam ini.

"Saya menyokong forum Perdana Ehwat Islam yang diadakan sejak 2008 untuk dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan dibantu pejabat-pejabat daerah.

"Ia merupakan keprihatinan oleh kerajaan Selangor bagi memartabatkan agama Islam dan masyarakat Islam di Selangor," kata Abdul Khalid dalam ucapan perasmian Forum Perdana Ehwat Islam yang diadakan di Masjid Ass-Syariff di sini.

Abdul Khalid berkata, program seperti ini merupakan dah bagi umat Islam membincangkan permasalahan dan mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi masyarakat pada hari ini.

Program Forum Perdana Eh-

Program seperti ini merupakan wadah bagi umat Islam membincangkan permasalahan dan mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi masyarakat pada hari ini

-KHALID IBRAHIM
Menteri Besar

wal Islam itu dihadiri kira-kira lebih 700 penduduk di sekitar Meru.

Ahli panel ceramah terdiri daripada Alwi Parman dan Dr Zulkifli Al-Bakri.

Majlis Forum ini merupakan anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dengan kerjasama Pejabat DUN Meru, Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan pihak Masjid Ass-Syariff.

Turut hadir Adun Meru, Dr Rani Osman dan Exco Selangor, Dr Yaakob Sapari.

Dalam forum perdana itu ahli panel membicarakan persoalan berkenaan cabaran rumah tangga masa kini.

Kerajaan negeri lancar Skim Rondaan Keselamatan

BATU CAVES - Kerajaan negeri akan mengadakan satu skim rondaan rukun tetangga di seluruh negeri Selangor, bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan penghuni, selaras dengan Kempen Pangsapuriku Bersih, Ceria dan Harmoni.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad berkata, inisiatif itu bagi membantu penduduk setempat yang menghadapi kesukaran memohon untuk menyertai Skim Rondaan Sukarela (SRS) atau Rukun Tetangga, di bawah Kerajaan Persekutuan.

"Terdapat banyak skim rondaan atau rukun tetangga di bawah Kerajaan Persekutuan, antaranya SRS bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan rukun tetangga," katanya.

Katanya lagi, jika penduduk ingin lakukan rondaan sendiri, banyak pertikaian dan rumitkan keadaan, di samping terdedah dengan bahaya dan yang paling kita titik beratkan adalah apabila ketiadaan Insurans Perlindungan.



SELESA... Iskandar dibawa meninjau ke dalam pangsapuri

"Saya adakan perbincangan dengan pegawai-pegawai supaya diwujudkan satu skim di bawah kerajaan negeri dan ia akan dilakukan di kawasan perumahan bertingkat terlebih dahulu," katanya pada majlis penyerahan kunci Pangsapuri Banjarja Court, di sini.

Beliau berkata, sebuah syarikat insurans sudah bersetuju untuk memberikan perlindungan kepada penduduk dalam perbincangan yang dilakukan baru-baru ini.

"Saya akan adakan perbincangan lanjut mengenai perkara ini dan akan panjangkan di dalam mesyuarat Exco untuk dilaksanakan secepat mungkin," katanya.

Tambahnya lagi, skim itu bermatlamat untuk mengurangkan kadar jenayah dan vandalisme, selain mewujudkan komuniti yang lebih baik.

Pembeli Banjarja Court gembira terima kunci

BATU CAVES - Hampir dua tahun menunggu, pembeli Pangsapuri Banjarja Court, Taman Samudera di sini menarik nafas lega apabila menerima kunci rumah masing-masing daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Dalam majlis penyerahan tersebut, sembilan pembeli menerima replika kunci bagi mewakili 704 pembeli yang sudah pun menerima kunci lebih awal.

Pembeli, Azni Izzah Abd Aziz, 36, lahirkan rasa syukur dengan penyerahan kunci oleh PKNS.

"Banyak tindakan diambil oleh jawatankuasa penduduk, termasuk hantar surat sebanyak empat kali kepada PKNS melalui pos, serahan tangan, fax dan emel bagi tuntutan tindakan segera PKNS.

"Bagaimanapun kami (pembeli) merasa lega apabila semuanya selesai dan faham, PKNS turut hadapi kekangan tertentu untuk melengkapkan proses pembinaan rumah ini," katanya kepada Selangor Kini.

Seorang lagi pembeli, Ahmad Akil Ariffin, 30, turut meluahkan rasa gembiranya apabila PKNS berjaya menyelesaikan projek perumahan itu.

"Saya rasa gembira sebahaja menerima kunci. Terima kasih kepada kerajaan negeri kerana akhirnya berjaya juga menyiapkan projek perumahan ini setelah dua tahun menunggu," katanya.

Majlis penyerahan kunci dilakukan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan

Setinggan, Iskandar Samad.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan, PKNS, Noraida Mohd Yusof dan Timbalan Pengurus Besar Bahagian Teknikal, Abdul Ghani Hashim.

Projek Pangsapuri Banjarja Court dibina pada 2007 dan mula dijual pada 2009 serta memperolehi Sijil Layak Menduduki (CF) pada 4 Januari 2012. Bagaimanapun proses penyerahan kunci dilakukan secara berperingkat bermula 23 Januari lalu.



Permasalahan umah turut dibincangkan melalui majlis forum Perdana Ehwat Islam



Pembeli Pangsapuri Banjarja Court mendapat kunci rumah masing-masing secara berperingkat

Mangsa terharu dikunjungi MB

Oleh NORHAYATI UMOR

HULU LANGAT - Mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sekolah Sungai Serai di sini terharu apabila dikunjungi Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Mangsa, Azizah Kana, 62, menyatakan walaupun masa kunjungan itu agak terhad tetapi ia sangat bermakna bagi keluarganya kerana Menteri Besar sempat duduk berbual serta mahu mendengar masalah rakyat.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Besar dan kerajaan negeri yang sentiasa prihatin atas masalah dan kebajikan rakyat negeri ini," katanya ketika ditemui.

Tambahnya, rasa sedih di atas kejadian yang menimpa



PENYAYANG...
Menteri Besar mendukung Dhiasaffura Mohd Alif, tiga bulan, sambil diperhatikan ibunya, Nuraini

keluarganya itu hilang apabila dapat meluahkan rasa kesedihan kepada Menteri Besar.

Bagi Nuraini Athirah Azhar, 27, pula mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri

di atas segala bentuk bantuan makanan dan keperluan asas yang diberikan kepada keluarga kami dan mangsa banjir yang lain.

Dalam kejadian baru-baru

ini, seramai 1,350 mangsa banjir Hulu Langat dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan yang disediakan.

Penduduk menyifatkan banjir yang melanda kawasan kali

ini merupakan banjir yang terburuk dalam sejarah. Antara tempat yang paling teruk dilanda banjir adalah di Sungai Serai, Kampung Melaka dan pekan Hulu Langat.

Banjir yang berlaku akibat daripada hujan lebat yang berterusan selama empat jam bermula petang 7 Mac sehingga lewat malam dan banjir itu juga menenggelamkan sehingga bumbung rumah di kawasan sekitar.

Dalam lawatan itu juga, Menteri Besar turut merakamkan ucapan setinggi tahniah dan berterima kasih kepada para petugas dan sukarelawan daripada pelbagai pihak dan agensi yang turun ke kawasan musibah untuk membantu mangsa-mangsa berpindah ke tempat yang lebih selamat.

Jawatankuasa Kerajaan negeri, NGO hulur bantuan segera kecemasan tangani banjir

HULU LANGAT - Kerajaan negeri akan menubuhkan satu Jawatankuasa Kecemasan bagi mencari langkah mengurangkan jumlah air di empangan berhampiran penempatan penduduk jika hujan lebat berterusan supaya tidak melimpah di kawasan sekitar.

Langkah ini berikutan banjir teruk melanda di kawasan Hulu Langat, Ampang dan kawasan sekitarnya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri akan melantik seorang pegawai dari Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan Puncak Niaga untuk dimasukkan ke dalam jawatankuasa ini supaya bertanggungjawab sekiranya berlaku masalah banjir pada masa akan datang.

"Hujan lebat menyebabkan sungai melimpah, bukan hanya di sungai tetapi di empangan juga penuh dengan air, jadi cara bagaimana mengalihkan air itu kita mahu adakan perbincangan supaya kita dapat tahu dan dapat beri amaran kepada penduduk jika berlaku lagi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat minggu lalu.

Tambah Abdul Khalid lagi, kerajaan negeri sudah menyediakan keperluan asas dan harian seperti makanan, tikar dan bantal bagi mengurangkan beban mangsa banjir.

Seramai lebih 700 mangsa banjir dipindahkan ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat.

LEMBAH JAYA - Prihatin dengan keadaan mangsa banjir yang trauma, kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pantas menghulurkan sumbangan bagi meringankan beban sekaligus memberikan sokongan moral kepada penduduk yang ditimpa musibah.

Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz menyampaikan sumbangan kerajaan negeri berupa beg dan peralatan sekolah kepada kanak-kanak mangsa banjir di Kampung Lembah Utara bagi mengembalikan keceriaan setelah alatan sekolah musnah dalam banjir 7 Mac lalu.

"Setakat ini, kita ada berbincang dengan Menteri Besar (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim), saya menyatakan banjir yang berlaku di sini amat luar biasa, bukan banjir yang sering dialami di kawasan ini, jika mengikut kebiasaan mangsa banjir akan diberi bantuan kewangan sebanyak RM300.

"Saya kira 90 peratus barang-barang mangsa banjir itu musnah sebab kawasan ini bukan berlaku banjir tetapi dilanda



KERJASAMA... orang ramai bersatu tenaga membantu mangsa banjir di Kampung Lembah Jaya Utara

arus deras. Kita amat mengharapkan kerajaan negeri memberi bantuan yang lebih kepada mangsa-mangsa," kata beliau ketika dihubungi Selangor Kini

Menurutnya, beliau difahamkan kerajaan negeri akan membantu memba-

iki rumah yang rosak dan Lembaga Zakat juga menyampaikan bantuan kepada mangsa yang terlibat.

Menurut Khasim, setakat ini pelbagai agensi kerajaan dan badan-badan NGO turun padang menyampaikan bantuan dalam pelbagai bentuk yang berupa kelengkapan seperti ada membekalkan tilam, makanan dan minuman.

"Kita sudah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mendalamkan parit-parit dan sungai-sungai dan kita juga meminta JPS menyediakan pelan perancangan masa hadapan mereka untuk atasi masalah banjir ini.


"Cumanya kita ada masalah empangan di mana mungkin komunikasi dengan pihak pengurusan empangan itu perlu diperbaiki sebab cara mereka melepaskan air secara mendadak menyebabkan banjir kilat," kata beliau.

Kita sudah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mendalamkan parit-parit dan sungai-sungai dan kita juga meminta JPS menyediakan pelan perancangan masa hadapan mereka untuk mengatasi masalah banjir ini

- KHASIM ABDUL AZIZ
Adun Lembah Jaya

Khasim turun padang melawat mangsa banjir

Anak PM bertunang, rakyat bayar?



Oleh LIZAWATI MADFA

PETALING JAYA - PKR mendakwa majlis pertunangan anak perempuan Datuk Seri Najib Abdul Razak di sebuah hotel ternama di Kuala Lumpur yang bernilai hampir setengah juta ringgit dibiayai duit rakyat.

Pembuktian dakwaan itu, Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli mendedahkan dokumen tempahan majlis bankuet di Hotel Shangri La yang bernilai RM409,767 bertarikh 17 Jun tahun lepas.

Menurut butiran dokumen tempahan majlis itu, akaun pembayar bil dan nama majlis dicatit sebagai 'Pejabat Perdana Menteri'.

"Ini bukti kukuh bahawa majlis tersebut sebenarnya dibiayai oleh rakyat Malaysia apabila keseluruhan urusan tempahan dan pembayarannya dibuat oleh Pejabat Perdana Menteri.

"Booking Contact adalah Setiausaha Sulit Peribadi PM, Datuk Mohd Po'ad Jelani," jelas Rafizi yang menjelaskan PKR terlebih dahulu melakukan semakan terhadap butiran dan individu yang

terlibat dalam dokumen berkenaan untuk memastikan ia boleh dipercayai.

Rafizi turut mengkritik tindakan Najib yang akhir-akhir cuba menonjolkan sikap kesederhanaan untuk memenangi hati rakyat menerusi program Menu 1 Malaysia, tetapi pada masa yang sama, membelanjakan sejumlah wang yang begitu besar untuk satu majlis pertunangan.

"Bagaimanapun itu adalah hak peribadi mereka untuk mempunyai citarasa yang tinggi, tetapi adalah memuahkan apabila wang rakyat digunakan untuk memenuhi nafsu dan citarasa mereka," ujar Rafizi sambil mendesak satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi menyalurkan segala penyelewengan yang didedahkan.

Sehubungan itu, Rafizi mohon Najib tampil memberi penjelasan dan sertakan bukti untuk menafikan segala dakwaan yang dikemukakan PKR.

PERKARA

KOS

Jamuan VIP (36 orang)

RM18,792

Jamuan biasa (862 orang)

RM309,975

Pengendalian

RM81,000

Shahrizat letak jawatan tidak bererti kes selesai

SHAH ALAM - Letak jawatan bukan jalan penyelesaiannya untuk rakyat melupakan dana awam yang diseleweng, kata, Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu berkata demikian bagi mengulas hasrat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Jalil meletak jawatan April depan.

Secara sinis beliau berkata, rakyat mahukan isu 'menteri lembu' tersebut disiasat secara telus dan integriti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana pelbagai bukti dibongkar oleh Pakatan Rakyat (PR).

"Kita mahu jika ada kes rasuah, SPRM mesti siasat dan dakwa siapa sahaja yang terlibat dalam kes rasuah itu," katanya ketika berucap di Majlis Makan Malam sempena sambutan empat tahun pentadbiran PR.

Katanya, tindakan Shahrizat yang mengambil masa sebegitu lama untuk berundur di-

Rakyat mahukan isu 'menteri lembu' tersebut disiasat secara telus dan integriti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana pelbagai bukti dibongkar oleh Pakatan Rakyat

- MAT SABU
Timbalan Presiden PAS

lihat sebagai tindakan terdesak setelah pelbagai bukti ditemui dan dibongkar.

Shahrizat yang dilantik sebagai senator pada 9 April 2009 akan tamat tempoh penggal sebagai Senator pada 8 April depan.

Beliau bagaimanapun hanya berundur sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi masih



kekal sebagai Ketua Wanita Umno.

Shahrizat meletakkan jawatan sebagai menteri selepas kontroversi panjang isu skandal Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) yang diterajui suaminya, Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail.

Turut mendesak Shahrizat melepaskan jawatan, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas Ketua Wanita, Tan Sri Rafidah Aziz, Ketua Umno Cheras, Datuk Syed Ali Syed Abas Alhabshee dan Timbalan Kelab Penyokong BN, Bung Mokhtar Radin.

Dedah surat Anwar untuk tutup surat Mahathir

PETALING JAYA - PKR membidas laporan Utusan Malaysia berhubung surat Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2007 kepada National Endowment For Democracy (NED) yang dipetik daripada laporan sebuah blog pro Umno.

Pengarah Komunikasi PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, ulasan Utusan Malaysia yang bertajuk 'Surat Anwar Kepada Tokoh Yahudi' tidak sedikit pun mengandungi nilai kontroversi.

"Anwar menyatakan keperluan proses pilihan raya yang bersih dan adil, selain menyeru NED, sebuah agensi dwi-parti Amerika Syarikat untuk menyokong usaha rakyat tempatan yang mahukan pilihan raya bersih dan adil.

"Ketempangan proses pilihan raya yang diluahkan oleh parti-parti pembangkang serta badan-badan bukan kerajaan menerusi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil, kini turut diakui kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak apabila Jawatankuasa Terpilih Parlimen bagi Reformasi Pilihan Raya dibentuk," jelas beliau melalui kenyataan medianya.

Laporan berita tersebut merupakan usaha media Umno untuk mengalih perhatian rakyat ekoran pendedahan surat menyurat Dr Mahathir kepada pemimpin-pemimpin Yahudi Israel

-NIK NAZMI
Adun Seri Setia

Beliau yang juga Adun Seri Setia berkata, laporan berita tersebut merupakan usaha media Umno untuk mengalih perhatian rakyat, ekoran pendedahan surat menyurat Dr Mahathir kepada pemimpin-pemimpin Yahudi Israel.

"Pendedahan tersebut serta penglibatan pegawai ketenteraan Israel di dalam syarikat perunding APCO yang dilantik Najib mendedahkan kepuraan UMNO/BN selama ini," ujar beliau lagi.

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM2.65 juta bagi meningkatkan prasarana teknologi dan komunikasi (ICT) Universiti Selangor (Unisel).

Peruntukkan tersebut diberi baru-baru ini selaras dengan dasar kerajaan negeri untuk membina kelompok masyarakat yang mahir dalam penguasaan bidang ICT yang semakin pesat dan canggih.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berucap dalam Istiadat Konvokesyen Unisel Kali Ke-6 bagi sidang tujuh, juga menyeru pelajar dan para graduan supaya membudayakan keceMERLANGAN dan kemahiran, serta mengelakkan budaya 'cakap tak serupa bikin' atau membuat kenyataan tanpa bukti dan kajian terlebih dulu.

"Mungkin anda pernah mendengar orang yang berjawatan menteri, yang bercakap tentang pengurusan dan kewangan, tetapi sebenarnya dia tidak mempunyai latar belakang atau pengalaman mengurus kewangan dan syarikat korporat sehinggakan kenya-

RM2.65 juta untuk tingkat prasarana UNISEL



Menteri Besar bergambar bersama penerima Anugerah Graduan Terbaik Japanese Associate Degree Programme

taannya boleh dipertikaikan, malah menjadi bahan lucu bagi orang yang arif dalam bidang berkenaan," katanya.

Abdul Khalid yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn Bhd/Unisel ber-

kata, pelajar juga harus meningkatkan pembangunan insan dengan kerjasama daripada keluarga dan masyarakat sekitar.

"Hal ini demi melahirkan rakyat yang berilmu, berakhlak dan beriman serta menjadikan Kerajaan Negeri

Selangor merupakan negeri ilmu atau hab ilmu.

"Dasar dan aspirasi kerajaan negeri secara keseluruhannya juga bermatlamat untuk membentuk golongan berpendidikan tinggi dan profesional," katanya.

Dalam konvokesyen itu, se-

Dasar dan aspirasi kerajaan negeri secara keseluruhannya juga bermatlamat untuk membentuk golongan berpendidikan tinggi dan profesional

-ABDUL KHALID
Menteri Besar

ramai 259 graduan menerima ijazah dan diploma, termasuk 86 orang menerima diploma bagi program Japanese Associate Degree Programme (JDA), hasil kerjasama Unisel dan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) sebagai penaja.

Hadir sama dalam konvokesyen terbabit ialah Canselor Unisel, Raja Tan Sri Datuk Seri Arshad Raja Tun Uda, Pro Canselor Unisel, Tan Sri Ismail Adam dan Datuk Seri Dr Anuar Masduki serta Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dr Halimah Ali.



BERSEMANGAT... para graduan menyanyikan lagu rasmi Unisel pada majlis Konvokesyen Unisel Kali Ke-6

Dokumen tender dibentang dalam Dewan Negeri Selangor

SHAH ALAM - Segala dokumen pemberian tender dan projek secara rundingan dari 2006 hingga 2010 akan dibentangkan kerajaan negeri sempena Persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) yang akan berlangsung pada 19 Mac sehingga 23 Mac 2012, demikian ujar Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Kita utamakan ketelusan dalam pentadbiran dan kerana itulah kita akan bentangkan dokumen-dokumen tender supaya rakyat tahu dan membuat penilaian terhadap keputusan-keputusan yang kita buat," kata Abdul Khalid ketika sidang media.

Menurut Abdul Khalid lagi, pemberian tender secara rundingan telah lama diamalkan oleh Kerajaan BN dan berasa pelik apabila menjadi pembangkang di Selangor, mereka berubah pendirian pula.



DNS menjadi tempat kerajaan negeri buktikan ketelusan

"Adakalanya juga terdapat kes-kes tertentu yang memerlukan kerajaan negeri memberi projek atau tugas secara terus dalam keadaan kecemasan.

"Sebagai contoh apabila kejadian tanah runtuh - kita perlu melantik juruperunding seperti Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) untuk menyiasat tahap keselamatan dengan segera.

"Dalam keadaan sebegini, kita tidak perlu meminta sebut harga," tambah Abdul Khalid

sambil memberitahu tindakan itu tidak bercanggah dengan prosedur Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana segala tindakan mendapat kelulusan Exco dan Pegawai Kewangan Negeri.

Dokumen-dokumen tersebut perlu mendapatkan kelulusan Dewan Negeri Selangor sebelum disiarkan kepada umum kerana dokumen berkenaan tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Arfa'za Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir

PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newsselangorkini@gmail.com

Bantuan kepada pesakit radang hati



Keluarga Adik Syazwan gembira menerima sijil Tawas daripada Rodziah

KUALA KUBU BHARU - Penderitaan Adik Syazwan Shah Rudy yang mengidap penyakit radang hati mendapat perhatian Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail yang mengunjungi rumahnya di Kampung Sungai Tenggi, di sini.

Menurut ibu Adik Syazwan, Saszliena Shamsudin, anaknya mengidap penyakit tersebut sejak dilahirkan dan kini terpaksa berulang-alik ke Hospital Sungai Buloh setiap minggu untuk mendapatkan rawatan susulan.

Rodziah, selaku Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor berkata, pihaknya prihatin dengan nasib yang menimpa Adik Syazwan, selain turut meminta Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) memaklumkan

kepada keluarga pesakit bentuk bantuan yang boleh diberi.

“Kita juga turut menyerahkan sijil simpanan tetap Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) dan Kad Si Manja kepada Adik Syazwan dan kakaknya Nursyafiqqa, selain hamper dan susu,” katanya.

Manakala LZS pula menyerahkan bimbingan berbentuk makanan kepada keluarga Adik Syazwan, selain memberi penerangan kepada Shah Rudy (bapa) mengenai cara-cara mendapatkan bantuan perubatan untuk anak beliau.

Dalam lawatan tersebut, Rodziah turut menghulurkan bantuan peribadi sebanyak RM1000 kepada keluarga tersebut bagi membantu meringankan beban yang ditanggung.



PENYAYANG... Adun Teratai, Jenice Lee memberi gula-gula kepada anak penjaja wanita di pasar malam Taman Muda untuk meraikan Hari Wanita Sedunia 2012, selain menyeru golongan tersebut keluar dari kepompong dan mengambil bahagian secara aktif dalam gerakan sosial

MENCORAK MASYARAKAT

unisel
UNIVERSITI SELANGOR



Permohonan dalam talian : apply.unisel.edu.my

PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(R/521/4/0019)/01/16]
- Kejuruteraan Mekatronik [KPT/JPS/(R/521/4/0020)/01/16]
- Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik [KPT/JPS/(R/523/4/0061)/01/16]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR11334)/06/15]
- Pengurusan Pentadbiran [KPT/JPS/(R/345/4/0116)/10/16]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KR11335)/01/15]
- Pengurusan Industri Sukan [KPT/JPS/(KA7646)/05/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(KR11336)/06/15]
- Pengkomputeran Industri [KPT/JPS/(R/481/4/0043)/05/16]
- Industri Multimedia [KPT/JPS/(R/213/4/0012)/05/16]
- Teknologi Mudahalih [KPT/JPS/(R/310/4/0002)/05/16]
- Aplikasi Komputer dalam Perniagaan [KPT/JPS/(R/482/4/0010)/05/16]
- Pendidikan (Pengajian Pra Sekolah) [KPT/JPS/(R/143/4/0001)/07/16]
- Pendidikan (Pengajian Islam) [KPT/JPS/(KA7855)/09/12]
- Sains Perpustakaan [KPT/JPS/(R/322/4/0003)/10/16]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KR9127)/09/13]
- Akuakultur [KPT/JPS/(KA7848)/01/14]
- Teknologi Industri [KPT/JPS/(KA8894)/06/13]
- Pengimejan Perubatan [KPT/JPS/(R/725/4/0011)/07/16]
- Kesihatan Persekitaran [KPT/JPS/(R/862/4/0006)/07/16]
- Teknologi Makmal Perubatan [KPT/JPS/(KA7153)/11/15]
- Kejururawatan [KPT/JPS/(R/726/4/007)/07/16]
- Fisioterapi [KPT/JPS/(R/213/6/007)/05/16]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R/213/6/007)/05/16]
- Teknologi Fotografi [KPT/JPS/(KA7717)/05/12]
- Komunikasi dan Media [KPT/JPS/(R/321/14/0030)/12/16]

PROGRAM PENGAJIAN SARJANA MUDA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(KR8481)/09/12]
- Kejuruteraan Elektrik [KPT/JPS/(KR8482)/09/12]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KR10548)/07/14]
- Kewangan [KPT/JPS/(KR10584)/07/14]
- Pemasaran [KPT/JPS/(KR10585)/06/14]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR11678)/10/15]
- Pengurusan Industri [KPT/JPS/(R/345/6/0115)/10/16]
- Pengurusan Sumber Manusia [KPT/JPS/(KA7911)/11/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R/482/6/0009)/08/16]
- Sains Komputer [KPT/JPS/(KR11778)/12/15]
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) [KPT/JPS/(KR11779)/10/15]
- Psikologi Industri [KPT/JPS/(KA7806)/01/13]
- Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) [KPT/JPS/(R/145/0013)/08/16]
- Sains Perpustakaan [KPT/JPS/(N/322/6/0002)/07/16]
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak [KPT/JPS/(N/143/6/0022)/11/16]
- Sains Matematik dengan Statistik [KPT/JPS/(R/461/6/0001)/11/16]
- Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan) [KPT/JPS/(KA7876)/09/12]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KR9126)/06/13]
- Bioinformatik [KPT/JPS/(KR10587)/06/14]
- Sains Persekitaran (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) [KPT/JPS/(KA9847)/12/14]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R/213/6/0007)/08/16]
- Kewartawanan [KPT/JPS/(KA8960)/06/13]
- Komunikasi Korporat [KPT/JPS/(KA8961)/09/13]

FAEDAH YANG AKAN ANDA PEROLEHI SEBAGAI PELAJAR UNISEL

- Bantuan kewangan dan biasiswa kepada yang layak (PTPTN/MARA/SUK/Yayasan Negeri/Karangkrak)*
- Pengecualian yuran sehingga RM3,000 (Semester 1) kepada pelajar yang memilih mengikuti program Diploma Akuakultur / Bioteknologi / Teknologi Industri *
- Universiti yang mempunyai kemudahan yang lengkap
- Kediaman / asrama dengan kelengkapan (semi-furnished)
- Latihan dan penempatan kerja untuk graduan
- Kemudahan sukan dan rekreasi yang pelbagai (memanah, aktiviti kayak, paintball, tenis)

*Tertakluk kepada terma dan syarat



Imbas kod bar ini untuk berhubung dengan kami.

Maklumat lanjut, hubungi:

+603-5522 3435/3436/3535/3575
admission@unisel.edu.my

Boorang Permohonan (Pengambilan April 2012)

Nama :

Alamat :

No. K/P : No. Tel : E-mel :

Program dipohon :

(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemasukan, Universiti Selangor [KPT/JPS/IDH/US/006] | [KPT/JPS/IDH/US/018]
Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor | Fax : 03-5522 3541 / 03-5510 9277



CINTAI ALAM... sukarelawan ini sedang menanam pokok pada Program 'Shah Alam Trees For Life 2012' yang diadakan di persisiran Sungai Reggam, Shah Alam. Program yang melibatkan 500 penyertaan sukarelawan itu bertujuan untuk menjadikan Shah Alam sebagai bandaraya hijau dan bandaraya dalam taman. Sebanyak 2,500 pokok ditanam, terutamanya pokok buah-buahan seperti jambu air, kundang, rambutan ditanam di persisiran sungai



Majlis Khatam Quran dan Anugerah Cemerlang Kafa Integrasi Al-Hidayah West Country, berlangsung meriah dengan kehadiran Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar



Sebahagian daripada 101 penerima SMUE Fasa 2 di DUN Batu Caves bergambar bersama Amiruddin Shari selepas tamat majlis penyerahan skim tersebut



Adun Hulu Kelang, Saari Sungib bersama kanak-kanak dan penduduk menunjukkan jentik-jentik yang dijumpai sewaktu Program Gotong-Royong Cegah Aedes di Perumahan AU 1A Taman Keramat. Program ini mendapat kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang, JKP MPAJ Zon 3, Pejabat Kesihatan Daerah Gombak dan Surau Al-Aziziah



EXCO Pendidikan Kerajaan Selangor, Dr Halimah Ali selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, menganjurkan program SPIES untuk pelbagai pendidik daripada negeri termasuk Sabah



Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad, melancarkan program mengecat semula Pangsapuri Julia, Selangang di bawah Program Baikpulih Negeri Berkeadilan (Ceria)



Seramai 44 orang peserta mengikuti program Mammogram anjuran Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sekinchan. Peserta dibawa menaiki bas ke Forrest Medical Group Kepong untuk menjalani pemeriksaan payudara.

PRIHATIN... Selain menziarah, Adun Taman Medan, Haniza Talha turut menyerahkan sumbangan kepada keluarga Raja Nurul Azlinda Raja Mohd Khamis (baju merah) yang mengidap sakit jantung dan memerlukan rawatan serta pembedahan segera.



Adun Meru, Dr Rani Osman melawat pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama Bukit Cerakah Jaya. Dalam lawatan tersebut beliau turut menyumbangkan sejumlah lima buah komputer untuk kegunaan guru-guru dan pelajar di sekolah berkenaan

Oleh AFIX REDZUAN

TIADA perkataan yang boleh menggambarkan kegembiraan sebuah keluarga Orang Asal di Kampung Kelanang di sini, apabila menerima sumbangan kerusi roda untuk meneruskan aktiviti seharian.

Johan Lamin, 40 yang menghidap penyakit gout sejak dua tahun lalu melahirkan rasa terharu di atas keperihatinan Pusat Khidmat DUN Morib yang sudi menghulurkan sumbangan berkenaan dan meringankan beban mereka sekeluarga.

Sumbangan kerusi roda itu disampaikan oleh Penyelaras DUN Morib, Hasnul Baharuddin.

Dengan keadaan sebegini, Johan yang bergantung kepada tongkat untuk bergerak tidak mampu untuk menyara keluarganya sebagai nelayan persisir pantai.

Walaupun dia mempunyai ladang kelapa sawit seluas dua ekar, hasilnya tidak cukup untuk menampung perbelanjaan bulanan lima orang anak dan isteri. Tiga daripada lima anaknya

Keluarga Orang Asal gembira terima kerusi roda

masih bersekolah.

“Kalau RM1,000 sebulan pun saya kena tanggung lima orang anak, termasuk isteri dah enam orang. Saya terlantar, isteri memang tidak bekerja.

“Untuk anak yang bersekolah, saya peruntukkan RM2 seorang sebagai belanja harian. Tiga orang sudah RM6,” katanya.

Bagi Ketua Kampung, Mustakim Mat Din, pihaknya memberikan tumpuan kepada keluarga Orang Asal yang berada di dalam kesusahan dan menghulurkan bantuan yang termampu walaupun bukan bantuan bulanan.

Katanya, jawatankuasa kampung akan memohon bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk meringankan beban perbelanjaan bulanan keluarga Johan.



Johan terharu dengan bantuan yang diterima dari Pusat Khidmat DUN Morib



PUSAT KHIDMAT DUN MORIB
No 78A, Jalan Bunga
Pekan, 42700, Banting
Tel/Fax: 03-31802191

JKR perlu beri perhatian segera pada struktur jalan yang tidak rata serta bahayakan pengguna

JKR diminta turap jalan

JABATAN Kerja Raya (JKR) Selangor diminta memberikan perhatian terhadap struktur jalan yang tidak memuaskan bagi menjaga keselamatan pengguna jalan raya di kawasan ini.

Menurut Penyelaras DUN Morib, Hasnul Baharuddin, jalan tersebut merupakan jalan negeri yang menghubungkan tiga kampung utama, iaitu Kampung Sungai Buaya, Kampung Sawah dan Kampung Bandar.

“Masalah jalan tersebut melibatkan keperluan untuk membaik pulih jalan yang sudah tertangguh hampir dua tahun,” katanya.

Tinjauan Selangor Kini mendapati struktur jalan yang tidak rata dan berlubang di beberapa tempat mengundang bahaya kepada pengguna.

Jalan tersebut turut digunakan oleh lori yang membawa muatan berat seperti kelapa sawit untuk dihantar ke beberapa kilang di kawasan berhampiran.

Walaupun terdapat usaha melebarkan jalan, namun sehingga kini masih belum diturap.

Beliau turut meminta agar jalan yang siap enam tahun lebih awal daripada jambatan Kampung Sawah ini diturap semula memandangkan jalan ini merupakan laluan alternatif dari Banting ke Klang bagi mengelakkan kesesakan.

“Sebelum ini laluan untuk ke Klang hanya ada satu jalan melalui Telok Datuk. Dengan adanya pembinaan jambatan, ditambah dengan kepesatan penubuhan pusat-pusat pengajian di kawasan Jugra maka kenderaan semakin bertambah.

“Jalan Kampung Sungai Buaya menghala ke jambatan Kampung Sawah ini perlu diperbaiki segera,” katanya.

Kesesakkan lalu lintas kebiasaannya berlaku dari pekan Banting ke Teluk Datok sejauh lima kilometer, terutamanya pada waktu pagi.

Penduduk kesal lampu jalan tidak berfungsi

PENDUDUK Kampung Sungai Buaya melahirkan rasa kesal apabila lampu jalan di kampung mereka tidak berfungsi walaupun dibina sejak 10 tahun yang lalu.

Lampu jalan ini dipasang sewaktu era Tan Sri Abu Hassan Omar menjadi Menteri Besar dan merasmikan Dewan Orang Ramai Sri Jugra.

Menurut Ketua Kampung Sungai Buaya, Saberi Manaf (*gambar*), selepas pe-



rasmian itu, ia langsung tidak boleh digunakan, melainkan sebagai perhiasan pada waktu siang.

Tambahnya, sehingga kini pihak Jawatan Kuasa Keselamatan Kampung (JKKK) tidak tahu apa status projek ini sama ada dibatal atau sebaliknya.

“Penduduk kampung ada buat aduan kenapa tidak ada lampu sepanjang jalan Sungai Buaya.

Tetapi kalau kita ingin mohon, masalahnya tiap-tiap bulan kena bayar. Lampu awam dalam RM10 sebulan,” katanya.

Beliau menambah, JKK Kampung Sawah tidak dapat menampung kos bayaran bulan berdasarkan kewangan semasa.

Sementara itu, Penyelaras DUN Morib, Hasnul Baharuddin turut melahirkan kebimbangan terutamanya keselamatan pengguna dan menggesa diselesaikan segera.

Katanya, beliau sendiri akan ke Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi menyelesaikan masalah ini.



Lampu di kiri kanan jalan yang tidak berfungsi... sekadar hiasan

Kukuh benteng elak banjir

PUSAT KHIDMAT DUN SUNGAI PANJANG
Lot 1581 Tingkat 1, Jalan Bunga Kenanga Medan, 45300 Sungai Besar
Tel :03-3224 7633
Fax :03-3224 7633



Jalan pintas ini sering ditenggelami air, menyukarkan aktiviti harian

SUNGAI BESAR - Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kampung Belia 2, Sungai Panjang.

Kejadian yang berlaku di KM35 Jalan Sungai Panjang-Tanjong Malim berpunca daripada limpahan air empangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) ekoran hujan lebat sejak seminggu lalu, ditambah dengan situasi air pasang dalam di Sungai Bernam.

Keadaan ini sekali gus mengakibatkan kesukaran pengguna setempat melakukan aktiviti harian, memandangkan jalan ini merupakan laluan pintas ke Sabak Bernam. Banjir ini membahayakan pengguna kerana struktur jalan menjadi melengkung dan berlubang.

Selain itu, peneroka tidak dapat mengutip hasil tanaman, selain ancaman ular sawa. Pengguna yang ingin merentasi kawasan banjir terpaksa ditunda

oleh sebuah traktor dan dua paucuan empat roda bagi membawa motosikal.

Setiap perjalanan sehala dikenakan caj RM10 bagi motosikal sementara RM25 untuk kereta.

Bagi Pengurus Pusat Khidmat DUN Sungai Panjang, Salihudin Baharum, perkara ini perlu diselesaikan segera memandangkan kejadian ini kerap berlaku sepanjang tahun.

"Pertamanya benteng empangan perlu diperkukuhkan memandangkan sebelum ini pecah beberapa kali. Keduanya jalan ini perlu diperbaiki dan ditinggikan sebab struktur yang sedia ada rendah. Setiap kali banjir, kenderaan ringan tidak boleh lalu.

Selangor Kini turut mendedahkan reaksi seorang pengguna, Samsol Maarif Saibani, 45, yang

berjaya merentasi kawasan banjir tersebut meskipun terpaksa membuang takungan air yang masuk ke dalam kereta.

Menceritakan pengalaman merentasi banjir, ini merupakan pengalaman keenam beliau menghadapi situasi sebegini dan setakat ini kenderaan yang digunakan tidak mengalami sebarang kerosakan.

"Saya tidak menyangka boleh melepasi paras banjir sebab terpaksa mengambil risiko dan bertawakal kerana hala tuju saya sudah dekat menghala ke Sabak Bernam. Jika saya ikut Bidor atau Ijok, sudah pastinya memakan masa dan minyak," katanya.

Sehingga 9 Mac, paras air yang dicatatkan adalah setinggi 20 inci dengan kedalaman 0.46 meter pada jarak 1 kilometer.

Petani minta selaras harga padi

Oleh AFIX REDZUAN

SABAK BERNAM - Petani di kawasan Sungai Besar menuntut penyalarsan harga padi secara purata daripada pihak Beras Padi Nasional Berhad (Bernas), ekoran harga jualan yang rendah berbanding di kawasan Tanjong Karang dan Sekinchan.

Keadaan ini nyata menyukarkan para petani untuk memperoleh hasil yang tinggi memandangkan perbezaan harga yang ketara di kawasan berkenaan.

Menurut Ketua Blok F22, Kawasan Bagan Terap, Amin Tuah Ngisa, harga paling tinggi yang pernah dicatatkan beberapa tahun lalu di kawasan Sungai Besar adalah RM1,380 bagi 1 tan metrik dan hanya bertahan selama dua hari.

"Harga padi setiap musim berubah tanpa penetapan harga yang seimbang. Macam Tanjong Karang, harganya sangat tinggi sehingga mencecah RM1,400, tetapi apabila makin menghala ke Sungai Besar, harga akan menjadi RM1,200 dan paling tinggi harga RM1,250," katanya.

Tambahnya, pengawalan harga oleh Bernas turut menyukarkan pembeli sendiri yang bertindak sebagai orang tengah dalam urusan pembelian padi, selain membuka ruang kepada mereka membeli padi di kawasan yang dirasakan untung sahaja.

Amin juga mendakwa, jika mengikut maklumat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, penetapan harga bermula RM1,100 dan

PUSAT KHIDMAT DUN SABAK NO 18.Tingkat 1, Jalan Haji Mohammad, 45200, Sabak Bernam
Tel :03-3216 2931
Fax :03-3216 2933

selebihnya ditetapkan oleh pihak pembeli.

"Tetapi apa yang kita fikirkan kawalan daripada pihak Bernas. Sebagai contoh, pembeli di Sungai Besar, tidak boleh menjual di tempat lain. Terpaksa jual kepada Bernas. Kalau jual kepada mereka (Bernas) harga tetap. Jadi selebihnya pihak pembeli yang menanggungnya.

"Memang kalau jual kepada Bernas, pihak pembeli ada kelebihan sendiri, tidak seperti pihak petani jual terus kepada Bernas sebab nanti dia ada kira kos keuntungan.

"Jadi pihak pembeli kalau harga lebih tinggi, maka hasil yang diberikan oleh Bernas akan menjadi susut. Jadi dia tidak boleh menampung operasinya," jelas beliau.

Sistem monopoli yang menjadi budaya di negara ini sememangnya menindas pelbagai pihak dan memberikan keuntungan kepada pihak tertentu semata-mata.

Sebelum ini petani pernah mengadakan demonstrasi dihadapan pejabat Bernas yang turut disertai Adun Sekinchan, Ng Swee Lim ekoran kemerosotan mendadak harga padi daripada RM1,380 setan kepada RM1,150 setan.

TURUN PADANG...



Adun Sekinchan, Ng Suee Lim meninjau keadaan jalan di Parit 5 ½ yang perlu dilebarkan. Jalan tersebut digunakan pelancong dan menjadi laluan penduduk untuk melihat sawah padi. Kerjasama melebarkan jalan ini mengambil masa sebulan untuk disiapkan. Jalan asalnya selebar 4.5 meter dan akan dilebarkan sebanyak 1.5 meter. Kerja menaik taraf jalan ini adalah fasa pertama yang diberikan sepanjang 3 kilometer ketika ini. Manakala 1.5 kilometer dalam proses permohonan daripada kerajaan negeri untuk melebarkan jalan tersebut

PERKARA

1 hektar padi

KOS

RM2,500
merangkumi benih, racun, pembajakan, penuaian dan pengangkutan

100 penternak ayam Tg Karang dianiaya

Oleh NAZLI IBRAHIM

PERMATANG - Sekitar 100 peserta penternakan ayam kampung di bawah Program Pembasmian Kemiskinan anjuran Parlimen Tanjong Karang dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, teraniaya apabila hasil keuntungan ternakan tidak dapat dinikmati oleh peserta.

Selain melibatkan Kementerian Pertanian dan Parlimen Tanjong Karang, yang kedua-duanya di bawah tanggungjawab Datuk Seri Noh Omar, dua buah syarikat, Budi Niaga Resources dan NH Din Enterprise turut disebut terlibat

PUSAT KHIDMAT RAKYAT DUN PERMATANG

NO 25-3 Jalan Makmur 1, Taman Makmur, 45500 Tg. Karang, No Tel: 03 3269 3048

49a, Jalan Satu, Taman Raden Jaya, 45500 Tg. Karang, Tel: 03 3269 3404 Fax: 03 3269 3409 Pkmsgburong@yahoo.com



dalam projek berkenaan.

Menurut mangsa, Zainal Abidin Shamsudin, 47, projek penternakan yang dimulakan pada 2009 ini hanya dibayar sebanyak 40 peratus sahaja daripada hasil jualan sebanyak 650 ekor ayam kampung.

"Selepas kursus pada November 2009, syarikat terbabit mula menghantar anak-anak ayam kampung dalam enam pusingan dengan jumlah keseluruhan 650 ekor anak ayam.

"Setiap satu pusingan mereka hantar seratus hingga 150 ekor dan bila dah matang, mereka ambil ayam-ayam itu dan bayar, tetapi tidak bayar habis, cuma 40 peratus sahaja.

"Mereka kata bakinya akan dicarumkan dalam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), tetapi apabila saya periksa, tak ada," ujar beliau ketika ditemui di Kampung Sungai Terap, baru-baru ini.

Katanya lagi, hampir dua tahun ia masih tidak dicarum. Apabila ditanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sel-



Setiap satu pusingan mereka hantar seratus hingga 150 ekor dan bila dah matang, mereka ambil ayam-ayam itu dan bayar, tetapi tak bayar habis, cuma 40 peratus sahaja

- ZAINAL ABIDIN
Peserta Projek

ngor, tiada jawapan. Cuma mereka minta saya bertanya kepada syarikat terbabit.

Tetapi apabila dihubungi, syarikat terbabit memberi pelbagai alasan. Seolah-olah cuba mengelak daripada membayar

kepada peserta.

Zainal juga memberitahu peserta tidak dibekalkan keperluan yang mencukupi seperti makanan ayam, perubatan dan keperluan lain yang menyebabkan peserta terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk menampung kos ternakan tersebut.

Disebabkan kegagalan syarikat ini melunaskan bayaran yang sepatutnya, menyebabkan bekalan elektrik ke rumah Zainal dipotong oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) apabila beliau gagal melunaskan tunggakan bil elektriknya yang mencecah RM1,000.

"Kerana terdesak, saya ter-

TERBIAR... reban ayam ini tidak lagi mampu beroperasi akibat kekurangan modal

(bawah) Zainal menunjukkan sijil perakuan kursus ternakan ayam yang sertai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar



paksa mohon bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk meringankan tanggungan seperti persekolahan anak-anak dan belanja dapur," ujar Zainal yang tidak lagi mampu melakukan kerja berat setelah terbabit dalam satu kemalangan jalan raya tidak berapa lama dahulu.

Benteng haram Kerajaan Pusat tenggelamkan Kampung Ampangan

SUNGAI BURONG - Benteng haram yang dibina Kerajaan Pusat di Tanah Simpanan Kekal Pembuangan Air (Water Encashment Area) Sungai Tenggi, menyebabkan beberapa kawasan di Kampung Ampangan kerap dinaiki air dalam jangka masa yang panjang.

Menurut Ketua Kampung Ampangan, Hamidon Salim, kawasan pembuangan air tersebut diteroka untuk pembinaan benteng oleh Kerajaan Pusat melalui Projek Infrastruktur Asas (Pias) dan mengakibatkan aliran air ke Sungai Tenggi tersekat.

"Apabila hujan lebat di Hulu Selangor, paras air akan meningkat dengan cepat dan memakan masa yang lama untuk surut. Kalau Kerajaan Pusat berbincang dengan kerajaan negeri atau pihak tempatan, tentu kejadian seperti ini tidak berlaku.

"Ini tidak, main langgar saja. Kerajaan negeri dan Jabatan Parit dan Pejabat Tanah pun tidak tahu apa-apa," kata Hamidon sambil menambah, tanaman sawit penduduk setempat turut berisiko mati akibat ditenggelami air.

Selain itu, beliau turut hairan apabila papan tanda projek yang baru siap dibina dua bulan lalu, ditulis tarikh siap projeknya pada 24 Disember 2009.

Sementara itu, dalam isu yang sama, Naib Yang Dipertua PAS Tanjong Karang, Misran Serman, melahirkan rasa kecewa terhadap tindakan Kerajaan Pusat menyalahguna-



Pokok kelapa sawit berisiko untuk mati jika ditenggelami air dalam jangka masa yang lama

Kanan: HAIRAN... papan tanda yang menimbulkan tanda tanya penduduk

kan dana awam dengan menjalankan projek tidak manfaat kepada masyarakat.

Selain itu, ia menyalahi penggunaan tanah yang digazetkan sejak sebelum merdeka lagi sebagai kawasan pembuangan air Sungai Tenggi dan menggesa pihak berkuasa negeri mengam- bil tindakan sewajarnya.



Tuisyen Rakyat dapat sambutan hangat

BERSEMANGAT untuk memperolehi keputusan peperiksaan lebih cemerlang, Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) DUN Sungai Burong menerima sambutan hangat di kalangan pelajar-pelajar yang bakal menduduki Peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) hujung tahun ini.

Menurut Penyelaras DUN Sungai Burong, Mohamad Judi Sarjo, kira-kira 140 orang pelajar yang layak sudah mendaftar dalam program tersebut.

"Sebenarnya kouta cuma 100 pelajar sahaja untuk setiap DUN, tetapi sambutan amat menggalakkan.

"Jadi kami masukan semua 140 pelajar yang layak itu sertai program PTRS ini," kata beliau.

Mohamad Judi turut berharap agar pelajar-pelajar yang berpeluang menyertai program ini tidak menia-siakan kemudahan percuma yang disediakan kerajaan negeri.

PTRS merupakan sebuah program yang diwujudkan sebagai bantuan pendidikan berbentuk kelas tambahan percuma, khusus untuk calon-calon SPM.

Program ini adalah anjuran Kerajaan Negeri Selangor di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor.

FAKTA

● Keluarga berpendapatan RM1,500 layak memohon

● Empat mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah

Pemasangan lampu kurangkan jenayah

SUBANG JAYA - Kawasan perumahan Perindustriaan UEP tidak lagi bergelap apabila dua buah lampu limpah dan dua lampu jalan yang baru sahaja siap dipasang beberapa hari lalu mula menerangi kawasan terbabit.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Subang Jaya, Hannah Yeoh, dengan adanya lampu jalan dan lampu limpah ini, diharap kejadian jenayah di kawasan perumahan itu dapat dikurangkan.

"Sebelumnya kawasan ini memang tidak cukup lampu, terutama di ka-

wasan taman permainan yang dekat dengan jalan masuk dan pondok pengawal keselamatan yang diserang penjenayah tidak lama dahulu.

"Pembinaan ini menggunakan peruntukan DUN sebanyak RM12,600 untuk dua lampu jalan dan dua lampu limpah ini," jelas beliau dalam sidang akhbar di taman perumahan tersebut.

Presiden Taman Perindustriaan UEP Resident Association, Kenneth Tan, turut mengucapkan terima kasih kepada beliau.

"Tidak ada apa yang dapat saya ka-

takan, melainkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YB sebab cuma dalam masa dua minggu kami mohon, hari ini permohonan itu jadi kenyataan.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mengelakkan kejadian jenayah dan saya harap kejadian jenayah yang pernah berlaku di sini tak berulang lagi," ujar beliau.

Sebelum ini seorang pengawal keselamatan yang sedang bertugas, diserang tiga penjenayah yang bersenjata parang.



Hannah merasmikan lampu jalan yang dipasang

Kitar semula jimat kos operasi MBSA

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya melakukan penjiatman sebanyak RM15,600 dari segi kos operasi melalui kempen dan aktiviti kitar semula yang dilaksanakan pada 2011.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mokhtar Hani berkata, kempen kitar semula yang dilaksanakan pada peringkat sekolah itu berjaya mengumpulkan bahan kitar semula sebanyak 141,612.7 tan, iaitu penjiatman kos sebanyak RM14,100.

"Sekiranya peruntukan yang disediakan untuk melupuskan sampah-sarap, khususnya sisa pepejal ini dapat dikurangkan melalui aktiviti kitar semula, belanjawan tersebut dapat disalurkan untuk projek-projek yang lebih bermanfaat kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah dan Majlis Perwakilan Penduduk yang diadakan di Dewan Banquet MBSA di sini.

"Kempen kitar semula yang mahu dilaksanakan dengan jayanya haruslah melibatkan segenap lapisan masyarakat, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), jabatan-jabatan



Mokhtar (dua kiri) bersama wakil F&N menunjukkan isyarat bagus pada Kempen Kitar Semula yang dilancarkan

kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat swasta, institusi pendidikan serta orang ramai," katanya.

Buat kali keenam berturut-turut

MBSA dengan kerjasama F&N Beverages Marketing Sdn Bhd menganjurkan Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Tahun 2012.

MPK tingkatkan kemahiran bahasa Inggeris

KLANG - Penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing seperti Bahasa Inggeris, sangat diperlukan dalam meningkatkan keupayaan perkhidmatan Majlis Perbandaran Klang (MPK), seterusnya memberikan kesan positif kepada pelanggan yang berurusan dengan pihak kami, kata Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam (JKPA), Norfiza Mahfiz (gambar).

Seramai 50 kakitangan Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyertai Program 'Mind Your Language', anjuran



JKPA dengan kerjasama Bahagian Latihan, Jabatan Khidmat Pengurusan yang diadakan di Dewan Hamzah, di sini.

Norfiza berkata, program yang julung-julung kalinya diadakan itu mendapat sambutan menggalakkan daripada kakitangan dan pegawai, serta merupakan petanda positif dalam usaha MPK melahirkan staf yang berkredibiliti dalam menjalankan tugas.

"Usaha untuk memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris tidak ber-

makna kita membelakangkan bahasa kebangsaan kerana kedua-duanya mempunyai peranan yang penting dalam dunia global ini," katanya.

Program yang dirasmikan Pemangku Yang Dipertua MPK, Ehsan Mukritu, antara lain membentangkan kertas oleh personaliti televisyen, Charles Mohan, Wan Sariah Wan Jaafar dan beberapa penceramah lain.

Norfiza berkata, kebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris merupakan satu kelebihan dan para peserta bakal dijadikan 'anak angkat' JKPA sepanjang tahun ini bagi memantau keberkesanan program.



Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
Tel : 03-6064 1331
SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888.
untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
www.mpklang.gov.my
Kutipan Sampah
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
www.mps.gov.my
Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
www.mpseparang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
www.mbsa.gov.my
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
www.mpsj.gov.my
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
www.mbpj.gov.my
Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)
SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213



MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,
Park City, I-City, 40000
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn Bhd,
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
e-mail: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S
40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7385 atau 03-5521 2275
Faks : 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn Bhd,
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
url : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618, Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad
16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999, Faks : 03-5510 9977
Email: communications@kdeb.com

Agih beg sekolah kepada pelajar

BANGI - Apa saja bantuan untuk kepentingan pelajaran harus diterima dengan baik, usah diganggu pelajar dengan agenda politik kerana kita mahu lahirkan pelajar yang cemerlang, kata Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar.

Beliau berkata demikian sewaktu menyerahkan 100 buah beg kepada SRJK (Tamil) Pekan Bangi dan West Country, Jalan Reko, Seksyen 5, Bandar Baru Bangi.

Penyerahan tersebut mendapat kerjasama Ketua Komuniti India DUN Bangi, Pejabat Adun dan pihak sekolah.

"Pemberian ini untuk digih-agihkan kepada mereka yang terpilih, yang kebanyakannya terdiri daripada murid-murid tahun satu.

"Beg kali ini lebih baik kualitinya berbanding daripada beg yang diedarkan dua tahun lalu," tambahnya.



Pelajar-pelajar ini gembira dengan sumbangan beg yang diterima

Sehubungan itu beliau berharap, pemberian ini dapat mempertingkatkan kemajuan dan kecemerlangan sekolah, sekali gus menjadikan Bangi sebagai Bandar Ilmu, seperti yang dihasratkan kerajaan

negeri selama ini.

"Ini bukan kali pertama saya datang ke sekolah. Sebelum ini kita pernah bekalkan kerusi dan meja untuk sekolah, selain membiayai yuran murid-murid miskin," katanya.



KENYATAAN TENDER JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)**	Taraf/Jenis Syarikat *	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
JKR Caw. Kejuruteraan Mekanikal Negeri Selangor.	Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji Serta Mengujiterima Sistem Penyaman Udara Untuk Bangunan Kompleks Islam, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. <i>No. Tender: JKR/SEL(N)/011(T)/2012</i> Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.	Bumiputera T1	PKK Kelas : D Kepala : III Sub. Kepala: Ia Dan (CIDB)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Selangor Shah Alam. Pada 19/03/2012 (Isnin) hingga 02/04/2012 (Isnin) Waktu Urusniaga Isnin-Khamis 8.00-12.00tghari 2.00ptg-4.00ptg Jumaat: 8.00pg-11.00 pg 2.45ptg- 4.00ptg	RM 210.00 (Money Order/Bank Deraf) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada 09/04/2012 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tgh. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Sebarang pertanyaan mengenainya, sila berhubung JKR Caw. Kej. Mekanikal Negeri Selangor di talian 03-5519 4041.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat di Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor bermula 19.03.2012.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN ATAU KAD PERAKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR / KEMENTERIAN KEWANGAN dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat didalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Bank Draft/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja.*

* Jenis Syarikat Tempatan
T1 - Syarikat 100% milik tempatan

A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurus dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

** Pembiayaan

(i) Pinjaman Bank Dunia Tender adalah juga dibuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara Bank Dunia dan Taiwan China

(ii) Bank Pembangunan Asia Tender adalah terbuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara anggota Bank Pembangunan Asia

Tempat Selangor Kini boleh diperolehi

PERCUMA!
PERCUMA!

- Pejabat Adun Pakatan Rakyat
- Pejabat Penyelaras DUN
- Masjid semasa solat Jumaat
- Pejabat Penghulu
- Pusat Khidmat Wakil Rakyat Pakatan
- Surau-surau terpilih



Wanita penyumbang kemakmuran ekonomi



MUFAKAT... isteri Menteri Besar, mengetuai acara memotong kek Sambutan Ke-100 Tahun Hari Wanita Antarabangsa

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Umum tidak menyedari bahawa golongan wanita terutama suri rumah merupakan penyumbang sebenar kepada kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Mengikut statistik, seramai 4.7 wanita berada di luar pasaran buruh dan tidak bekerja, yang mana majoriti 3 juta orang ini adalah suri rumah.

"Ini bermakna suri rumah menyumbang 45 peratus dalam kerja-kerja tanpa bayaran.

"Sumbangan ini jika dinilai dari segi wang ringgit, ia dianggarkan berjumlah RM55 bilion berasaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2006," kata Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Wanita, Rodziah Ismail, ketika Majlis Pelancaran Sambutan Ke-100 Tahun Hari Wanita Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor.

Keadaan ini jelas membuktikan masyarakat harus menghormati dan menghargai hak-hak dimiliki golongan wanita, termasuk hak mereka dalam bidang ekonomi.

"Golongan wanita hari ini wajar mula menetapkan sasaran untuk mempunyai kedudukan kewangan kukuh dan tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada

kaum lelaki.

"Dalam hal ini, golongan wanita haruslah mempunyai kesedaran tinggi dalam usaha merancang kewangan supaya mempunyai simpanan jaminan untuk masa depan.

"Pengetahuan mengenai perkara yang membabitkan kewangan sebenarnya akan dapat membantu golongan wanita untuk lebih cekap membuat keputusan," tegasnya.

Oleh itu, pemilihan tema 'Pemberdayaan Masyarakat Demi Jaminan Kewangan Wanita' bagi tahun ini adalah sebagai tanda pengiktirafan kepada sumbangan golongan wanita yang mewakili hampir 36 peratus daripada tenaga kerja di negara ini.

Turut hadir di majlis tersebut, Isteri Menteri Besar, juga Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis), Puan Sri Salbiah Tunut, Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor, Haniza Talha dan Naib Presiden PKR, Fuziah Salleh.

Sementara itu, dalam perutusan yang sama, Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Elizabeth Wong mahu kaum wanita menjadi peneraju perubahan besar di negara ini bagi mewujudkan Malaysia yang bebas daripada rasuah, penyelewengan dan keganasan.

dari muka belakang

Terus dedahkan kepincangan Umno-BN

"Sekiranya projek ini beri manfaat kepada rakyat Selangor dan mematuhi undang-undang, saya pasti pihak kerajaan negeri tentunya tidak akan menghalang," katanya lagi.

Beberapa minggu lalu, Selangor Kini mendedahkan sebidang tanah di Tanjong Karang

dianugerahkan kepada Umno bahagian itu oleh pentadbiran lama Umno-BN di Selangor.

Bagaimanapun pada sekitar 2007, tanah yang kini menempatkan bilik gerakan Umno-BN dijual oleh Umno Tanjong Karang kepada dua buah syarikat swasta, Bumi

Utama Building Material Sdn Bhd dan Bayacorp Sdn Bhd pada harga yang tidak diketahui.

PAS Tanjong Karang sedang meneliti kes tanah tersebut untuk tindakan mahkamah dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NO. TENDER TAJUK PROJEK (PEMBIAYAAN)**	TARAF / JENIS SYARIKAT*	KELAS, KEPALA & SUB-KEPALA	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DI JUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	JPS/N/SEL/PT/2/2012 Kerja-Kerja Membaikpulih Keruntuhan Tebing Benteng Laut Di Pantai Morib - Kelanang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	Bumiputera / Terbuka / T1	Kelas C Kepala 1 Sub-Kepala 1 & 7(a) & 7(b) Gred CIDB : G5 dan ke atas	Kaunter Bhg. Ukur Bahan Dan Kontrak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan 20 Mac 2012 hingga 10 April 2012	RM 180.00, Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Kiriman Wang/ Bank Deraf/Wang Pos)	Peti Tender Bhg. Ukur Bahan Dan Kontrak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan 10 April 2012 (Selasa) Jam 12.00 tgh

Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** pada : 20 Mac 2012 (Selasa) Masa : 10.00 Pagi. Tempat Berkumpul : Pejabat Jurutera Daerah, JPS Daerah Kuala Langat, 42700 Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL ATAU KAD PERAKUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN** dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan. SALINAN Sijil Pendaftaran PKK/Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor.

* Jenis Syarikat

- Tempatan :
- T1 - Syarikat 100% milik tempatan.
 - A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.
 - A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

** Pembiayaan

Pinjaman Bank Dunia : Tender adalah juga terbuka kepada pentender-pentender yang berminat daripada negara-negara Bank Dunia dan Taiwan China.

Bank Pembangunan Asia : Tender adalah terbuka kepada pentender-pentender yang berminat daripada negara-negara anggota Bank Pembangunan Asia.



Oleh NAZLI IBRAHIM

TANJONG KARANG - Penyelewengan duit rakyat di kawasan ini sekali lagi menjadi tumpuan, kali ini sebuah jeti bernilai RM22 juta yang didakwa tidak mendapat kelulusan pembinaan tetapi sudah hampir siap dibina.

Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Bagan Pasir Penambang itu dikhuatiri tidak akan mendapat sijil menduduki (CF) apabila dibuka nanti dan mengundang pelbagai masalah kerana keselamatannya tidak dijamin pihak berkuasa.

Menurut Penyelaras Pusat Khidmat Rakyat DUN Permatang, Mohd Yahya Mat Sahri, projek itu tidak memiliki pelan yang diluluskan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), yang lazimnya wajib bagi setiap bangunan, apatah lagi bangunan kerajaan.

“Contohnya, kelulusan Jabatan Alam sekitar, Jabatan Penilaian, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Pembangunan, Indah Water, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Mineral dan Geosains, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Perancangan Pembangunan dan kesemuanya lebih kurang ada 19 pihak perlu meneliti sesebuah projek.

“Oleh kerana ia melibatkan pembinaan jeti, projek ini juga mesti dapatkan komen dan kelulusan daripada Jabatan Maritim.

“Jadi, apabila dah tak ada kelulusan pelan pembinaan, macam mana MDKS nak bagi CF apabila siap nanti, sebab dah tentu mereka tahu tiada jaminan jeti itu selamat digunakan.

“Saya pasti jeti itu nanti akan jadi satu lagi projek gajah putih BN sebab tak boleh dapat CF,” katanya apabila ditemui Selangor Kini.

Apabila dihubungi mengenai kelulusan jeti LKIM itu, Setiausaha MDKS, Azhari Sirin mengesahkan projek itu tidak mendapat kelulusan pembinaan.

Azhari berkata, pada mulanya permohonan daripada pengusaha projek itu dikembalikan dengan teguran daripada MDKS supaya memperbaiki beberapa aspek sebelum kelulusan pembinaan dikeluarkan.

Jeti haram LKIM di Tanjung Karang



DEKAT DI HATI... Isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut memegang risalah Program Pemeriksaan Mamogram Percuma Selangor (MammoSel) untuk wanita mengesan awal barah payudara. Risalah ini diedarkan sempena pelancaran sambutan Hari Wanita tahun ini yang bertema ‘Pemberdayaan Masyarakat Demi Jaminan Kewangan Wanita’ di Kompleks PKNS, pada 12 Mac lalu. Barah payudara merupakan antara pembunuh utama wanita di Malaysia. BERITA PENUH MUKA 15

Akan tetapi, pengusaha tidak memohon kembali kepada MDKS dengan pembetulan kepada pelan tersebut, maka kelulusan tidak dikeluarkan.

Dalam pada itu Yahya turut mempersoal bagaimana Kementerian Pertanian

dan Industri Asas Tani yang kini diterajui Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar boleh meluluskan RM22 juta bagi projek itu walaupun ia tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Adakah semata-mata mahukan projek ini jalan supaya dapat habuan untuk kroni, parti dan diri sendiri sahaja, maklumlah sekarang dah dekat pilihan raya.

Lihat muka 15

Untuk informasi & berita terkini
Layari www.selangorku.com

mediaselangorku

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO